



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	26/7/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	KeTSA			

Hargai hutan bakau sebagai sumber ekosistem berharga

BH, 26 Jul 2021_12



Profesor di Jabatan Sains Perhutanan dan Biodiversiti, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Dr Mohd Hasmadi Ismail
bhrencana@bh.com.my

Tarikh 26 Julai diisytiharkan sebagai Hari Antarabangsa untuk Pemuliharaan Ekosistem Bakau oleh Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).
Pada September 2015, sejumlah 193 negara termasuk Malaysia mengadaptasi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 - satu usaha untuk mengurangkan kemiskinan global, memajukan pembangunan sosial dan ekonomi serta paling penting memajukan pengurusan sistem semula jadi yang bersepadu.

Pelaksanaan SDG14 berkait tindakan global terhadap perlindungan, pemuliharaan, pemulihan dan pengurusan ekosistem bakau yang lestari.

Malaysia mempunyai pelbagai jenis hutan, satu daripadanya hutan paya bakau. Kajian oleh Hamilton dan Casey pada 2016 meletakkan Malaysia pada kedudukan ketiga bagi negara yang mempunyai hutan paya bakau terluas di dunia selepas Indonesia dan Brazil, dengan anggaran 621,038 hektar (kira-kira 6.0 peratus). Namun, kelusutan hutan paya bakau di bawah hutan simpanan kekal banyalah kira-kira 89,697 hektar atau sekitar 14 peratus sahaja.

Ekosistem hutan bakau berupaya menyerap sumber karbon hampir tiga kali ganda berbanding hutan jenis lain. Ini amat membantu untuk menstabilkan iklim dengan memperlambatkan proses perubahan iklim.

Satu hektar hutan bakau dapat menyimpan 3,754 tan karbon - ia setara seperti menghentikan pelepasan karbon daripada sejumlah 2,650 kereta yang bergerak di jalan raya selama satu tahun.

Kajian menganggarkan bahawa pelepasan karbon daripada penebangan hutan bakau boleh menyumbang sehingga 10 peratus berbanding hutan jenis lain di seluruh dunia.

Secara global hutan paya bakau hilang dengan kadar tiga hingga lima kali lebih cepat berbanding hutan lain di dunia. Bakau bertindak sebagai pertahanan pantai semula jadi terhadap gelombang ribut, tsunami, kenaikan permukaan aras laut serta hakisan.

Perannya semakin penting dalam mengurangi kerentanan terhadap bahaya semula jadi dan meningkatkan daya tahan terhadap impak perubahan iklim.

Jalur atau jarak bakau sejauh 500 meter berpayu mengurangkan ketinggian gelombang laut sebanyak 50 hingga 99 peratus.

Dua tahun lalu, Sahabat Alam Malaysia (MNS) menganggarkan lebih 50 peratus hutan paya bakau di Semenanjung diancam kemusnahan. Isu ini antara punca utama dikenali pasti menyumbang kepada kepupusan perikanan yang menjadi sumber kepada golongan nelayan untuk mencari rezeki.

Usaha pemulihan kawasan hutan bakau dilihat semakin popular dan kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit saban tahun untuk tujuan penanaman semula. Namun, kejayaan penanaman ini tidak selalunya memberangsangkan kerana ekosistem asalnya rosak dan tercemar, selain gangguan haiwan perosak seperti monyet.

Realitinya, hutan paya bakau sangat berharga kerana ia berupaya mengawal kualiti alam sekitar khususnya di pesisir pantai.

Untuk memastikan kejayaan, pemulihan ekosistem hutan bakau mengutamakan pendekatan pemulihan secara ekologi dan mempertimbangkan perkiraan yang betul apabila melaksanakan penanaman pokok bakau.

Pemantauan hasil pemulihan perlu dilakukan. Teknologi seperti *remote sensing* atau satelit

penderiaan jauh dengan keupayaan data satelit dan daripada pesawat udara, berupaya menawarkan kelebihan untuk memantau fasa pemulihan dan mengkaji keunikan hutan paya bakau dengan lebih saintifik dan terkehadapan.

Data penderiaan jauh berupaya mengira biojisim dan stok karbon, selain mengesan kemusnahan hutan dan memantau tahap kesihatan ekosistemnya.

Pengurusan hutan paya bakau semakin mencabar dilakukan di kawasan yang luas dan sukar dimasuki, namun teknologi seperti satelit penderiaan jauh yang canggih pada masa kini, sangat membantu dalam proses pengurusan hutan bakau.

Pendekatan secara bersepadu untuk pemulihan bakau memerlukan komitmen dan proses yang berterusan. Proses pemulihan hutan bakau oleh agensi kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sewajarnya memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk terlibat sebagai pihak berkepentingan dalam merancang dan melaksanakan projek pemulihan.

Ini termasuklah kesedaran untuk pembangunan dan gaya hidup lestari selaras dengan alam semula jadi.

Pengurusan hutan bakau yang mampan dapat membantu ke arah mencapai sasaran SDG. Ia satu agenda yang memerlukan tindakan dasar yang segera, untuk mengatur strategi mencapai matlamat ini.

Sebanyak 45 negara secara khusus memasukkan senarai hutan bakau di dalam pelan nasional untuk menangani perubahan iklim. Pengurusan ekosistem hutan bakau memerlukan pengurusan pesisir laut secara bersepadu, tadbir urus yang mengintegrasikan dasar dalam semua sektor, perkongsian kepakaran teknikal dan amalan yang berkesan.

Pendekatan holistik yang diguna pakai untuk melindungi dan memulihkan sumber semula jadi adalah prinsip yang diterapkan banyak negara untuk pembangunan yang lestari.

Komitmen kerajaan diperlukan untuk menyemak, melaksanakan dasar, merencana tindakan dan mengambil pendekatan holistik untuk memuliharaan, memulihkan dan mengurus hutan paya bakau secara mampan.

Ketika kita meraikan Hari Antarabangsa untuk Pemuliharaan Ekosistem Bakau, kita perlu ingat bahawa hutan bakau juga perlu segera diberi perhatian, sebelum kita terlambat.

“Satu hektar hutan bakau dapat menyimpan 3,754 tan karbon - ia setara seperti menghentikan pelepasan karbon daripada sejumlah 2,650 kereta yang bergerak di jalan raya selama satu tahun”



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia